

**MAJLIS MENGADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN
DAN BINTANG-BINTANG SERTA PINGAT-PINGAT
ISTANA NEGARA**

28 OGOS 1984

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar D.K. Yang Di-Pertuan Agong Malaysia.

Ampun Tuanku.

Bagi pihak Kerajaan dan seluruh rakyat serta diri patek sendiri, patek mohon menyembah setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sempena Majlis Mengadap dan Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang serta Pingat-Pingat pada hari ini.

2. Sempena hari yang bahagia ini, patek sekalian berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, semoga dilanjutkan usia serta dilimpahkan rahmat dan hidayahNya kepada Kebawah Duli Tuanku serta Raja Permaisuri Agong. Demikian juga, patek sekalian berdoa semoga Tuanku berdua sentiasa di dalam kandungan sihat walafiat, serta kekal memerintah dan memegang teraju tertinggi pemerintahan negara Malaysia, dengan bertambah daulat dan kemuliaan.

Ampun Tuanku,

3. Pengalaman menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh negara membangun adalah amat besar. Walaupun negara kita Malaysia telah membuktikan kemampuannya, dan kita dianggap sebagai sebuah negara membangun yang 'resilient' dan berjaya, namun kita masih mempunyai tugas yang berat dan besar untuk menjamin kebahagiaan dan kemakmuran yang meningkat dan berterusan bagi negara dan rakyat. Ini merupakan cabaran bukan sahaja kepada Kerajaan bahkan cabaran kepada setiap rakyat Malaysia.

4. Kunci kepada kejayaan ialah usaha dan disiplin usaha dan disiplin di semua peringkat dan kalangan. Turun-naik dan mundur-majunya sesebuah negara dan masyarakat adalah hasil daripada usaha yang gigih dan disiplin. Itulah sebabnya kita harus memberi keutamaan kepada kedua-dua faktor ini.

5. Keadaan kemelesetan ekonomi dunia, walaupun akhir-akhir ini menunjukkan tanda-tanda akan pulih, telah membawa kesan yang pahit kepada semua, lebih-lebih lagi kepada negara-negara kecil yang sedang berusaha untuk membangun. Alhamdulillah, kesan kemelesetan terhadap negara kita tidak begitu teruk. Dengan langkah-langkah tertentu, dan dengan asas-asas ketahanan yang kita bina selama ini, kita telah dapat melalui tempoh genting kemelesetan ekonomi dunia dengan selamat. Insya-Allah, kita akan terus berjaya dengan usaha-usaha kita.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku akan terus berusaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berjaya dalam semua bidang dan lapangan, supaya masyarakat kita keseluruhannya akan dapat mengecapi nikmat dan faedah daripada azam dan cita-cita ini. Kita juga berharap semua pihak termasuk negara-negara sahabat akan terus memberi kerjasama untuk memupuk suasana kemajuan bagi faedah bersama. Ampun Tuanku,

7. Kerajaan Kebawah Duli Tuanku telah membentangkan dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Asas-asas perubahan bagi mempergiatkan lagi usaha pembangunan bagi faedah rakyat telah diperkukuhkan. Strategi-strategi yang diwujudkan adalah bagi faedah jangka pendek dan jangka panjang dan dibuat dengan tujuan untuk menjamin ketahanan rakyat dan negara dalam menghadapi cabaran-cabaran dalam negeri dan peranan kita di peringkat antarabangsa.

8. Kita di Malaysia adalah amat bertuah. Allah Subhanahu Wataala telah melimpahi kita dengan berbagai rahmat dan nikmat. Tetapi rakyat harus berwaspada terhadap ancaman yang mungkin melanda jika kita tamak dan tidak berhati-hati. Insya-Allah segala usaha kita akan diberkati Allah Subhanahu Wataala, dan negara akan terus aman dan makmur. Patek sekalian yakin bahawa dengan cara pemerintahan yang mendukung cita-cita rakyat dan mengutamakan kepentingan negara, semua pihak akan dapat melaksanakan tugas masing-masing dengan berkesan.

9. Patek, bersama-sama dengan Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, dan sekalian pegawai dan kakitangan Kerajaan, akan terus menumpukan usaha dan tenaga untuk menyempurnakan tugas dan tanggungjawab patek sekalian dengan semangat dan komitmen bagi menjamin kemakmuran, keselamatan dan kebahagiaan rakyat dan negara Malaysia.

10. Pada hari yang berbahagia dan penuh istiadat ini, bagi pihak diri patek, Kerajaan dan seluruh rakyat, patek dengan segala hormat dan

takzimnya mohon menyembah ikrar taat-setia yang tidak berbelah bagi kepada Kebawah Duli Tuanku.

Ampun Tuanku,

Sekian, sembah patek harap diampun.